

D.R. 23/2010

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Ketidakpakaian

2. Akta ini tidak terpakai bagi seseorang yang berumur lebih daripada enam belas tahun tetapi kurang daripada lapan belas tahun yang bekerja dalam suatu pekerjaan yang sedia ada sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

Pindaan seksyen 1A

3. Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [*Akta 350*], yang disebut Akta ibu dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 1A(1)—

(a) dengan menggantikan takrif “child” dengan takrif yang berikut:

‘ “child” means any person who has not completed his fifteenth year of age;’;

(b) dengan menggantikan takrif “young person” dengan takrif yang berikut:

‘ “young person” means any person who, not being a child, has not completed his eighteenth year of age;’;

(c) dalam takrif ‘ “employ” and “employment” ’, dengan memotong perkataan “exercised by way of a trade or”; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif “guardian” takrif yang berikut:

‘ “light work” means any work performed by a worker—

(a) while sitting, with moderate movement of the arm, leg and trunk; or

(b) while standing, with mostly moderate movement of the arm;’.

Pindaan seksyen 2

4. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “any” perkataan “hazardous work, or any”;

(b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “health” perkataan “, safety”;

(c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “or the Electricity Act 1949 [*Act 116*]” dengan perkataan

“, the Occupational Safety and Health Act 1994 [Act 514] or the Electricity Supply Act 1990 [Act 447]”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) For the purpose of this section, “hazardous work” means any work that has been classified as hazardous work based on the risk assessment conducted by a competent authority on safety and health determined by the Minister.”.

Pindaan seksyen 7

5. Subseksyen 7(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “health” perkataan “, safety”.

Seksyen baru 9A

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

“Offence by body corporate, etc.

9A. Where an offence under this Act has been committed by a body corporate, partnership, society or trade union—

(a) in the case of a body corporate, any person who is a director, manager, or other similar officer of the body corporate at the time of the commission of the offence;

(b) in the case of a partnership, every partner in the partnership at the time of the commission of the offence; and

(c) in the case of a society or trade union, every office-bearer of the society or trade union at the time of the commission of the offence,

shall be deemed to have committed the offence and may be charged jointly or severally in the same proceedings as the body corporate, partnership, society or trade union.”.

Pindaan seksyen 14**7. Subseksyen 14(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “six months” dengan perkataan “one year”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “two thousand” dengan perkataan “five thousand”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “two years” dengan perkataan “three years”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “three thousand” dengan perkataan “ten thousand”.

Pindaan seksyen 16**8. Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “set out in the First Schedule”.****Pemotongan Jadual Pertama****9. Akta ibu dipinda dengan memotong Jadual Pertama.****Peruntukan kecualian**

10. Apa-apa kontrak pekerjaan yang sedia ada yang dibuat oleh seseorang kanak-kanak atau orang muda di bawah subseksyen 2(2) atau 2(3), masing-masing, sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diteruskan dan sah seolah-olah Akta ini tidak dibuat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (“Akta 350”). Tujuan utama Rang Undang-Undang ini adalah untuk menaikkan umur kanak-kanak dan orang muda yang boleh diambil kerja dalam apa-apa pekerjaan, selaras dengan Konvensyen Umur Minimum, 1973 yang telah diratifikasi oleh Malaysia.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 1A Akta 350 untuk memasukkan takrif baru “light work” dan untuk meminda beberapa takrif sedia ada yang digunakan dalam Akta 350. Takrif “child” dan “young person” dipinda untuk menaikkan umur minimum kanak-kanak atau orang muda.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 350 untuk melarang mana-mana kanak-kanak atau orang muda untuk diambil bekerja dalam apa-apa kerja yang berbahaya. Subseksyen baru (6) dimasukkan untuk memberikan takrif bagi istilah “kerja yang berbahaya”.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(2) Akta 350 untuk memasukkan keselamatan sebagai salah satu elemen yang perlu dipertimbangkan oleh Menteri sebelum memberikan suatu lesen pekerjaan berhubung dengan hiburan awam.
6. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Akta 350 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian, pertubuhan dan kesatuan sekerja.
7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 14(1) Akta 350 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 350.
8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2755]